

**KELICAP EKOR HIJAU**  
Green-tailed Sunbird

FAMILI: Nectariniidae  
NAMA SAINTIFIK: *Aethopyga nipalensis*

**CIRI-CIRI**

Individu jantan dan betina bagi spesies ini mempunyai corak bulu yang berlainan. Terdapat dua sub-spesies iaitu *A.n.koelzi* dan *A.n.karensis*. Sub-spesies yang pertama terdapat di utara dan timur Myanmar dan juga barat Tonkin. Individu jantan mempunyai corak yang sama seperti Mrs. Gould's Sunbird, *A.gouldiae*, tetapi bahagian atas kepala, tekak dan ekor berwarna hijau gelap, bahagian atas bahu berwarna merah gelap dan dada berwarna kuning dengan jalur oren kemerahan. Sub-spesies *A.n.karensis* yang terdapat di timur Myanmar pula mempunyai dada yang berwarna kuning dan bahagian atas bahu yang berwarna merah. Perbezaan individu betina spesies ini dengan spesies Mrs. Gould's Sunbird, *A.gouldiae*, dan Kelicap Gunung, *A.saturata*, pula ialah jalur hitam yang pudar pada bahagian punggung. Pada bahagian bawah ekor, terdapat corak hitam dan putih yang kelihatan seperti kotak-kotak kecil. Individu juvenil jantan mempunyai warna oren pada dada manakala individu juvenil betina kelihatan seperti individu betina dewasa. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa adalah antara 11-13.5 sm.

**MAKANAN**

Ia memakan serangga kecil, nektar, ulat, dan lain-lain lagi.

**HABITAT**

Habitat yang sesuai bagi spesies ini adalah di kawasan hutan dipterokap dan hutan sekunder di antara 1,400-2,745 m dari aras laut.

**BUNYI**

Spesies ini biasanya mengeluarkan bunyi *wit-iritz wit-iri wit iritz wit iritz wit-iri wit-iritz* dan *tu-tsri tu-tsri tu-tsri* yang bernada tinggi.

**PEMBIAKAN:**

Musim pembiakannya adalah di antara bulan April hingga Jun dan individu betina boleh menghasilkan di antara 2-3 biji telur yang berwarna putih.